

**PENGURUSAN KENDERAAN:
KEMALANGAN YANG MELIBATKAN KENDERAAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA
UPD WP 4.2/2014**

KANDUNGAN

1. Tujuan
2. Takrif Pemandu Kerajaan dan Kereta Kerajaan Serta Ketua Jabatan
3. Pemakaian Peraturan
4. Borang

No	Perkara	Tanggungjawab
-----------	----------------	----------------------

1 Tujuan

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan mengenai tindakan yang perlu diambil apabila berlakunya kemalangan yang melibatkan kenderaan Lembaga Getah Malaysia. Kemalangan kenderaan Lembaga Getah Malaysia. Pekeliling ini termaktub ke atas semua kenderaan Lembaga Getah Malaysia di seluruh Malaysia termasuk yang berlaku di Sabah, Sarawak dan Singapura.

2 Takrif Pemandu Lembaga Getah Malaysia Dan Kereta Lembaga Getah Malaysia Serta Ketua Jabatan

2.1 'Pemandu kenderaan Lembaga Getah Malaysia' tidak termasuk pemandu-pemandu yang bukan pegawai Lembaga Getah Malaysia seperti yang dilantik sendiri oleh pegawai yang layak menerima kenderaan untuk kegunaan sendiri.

2.2 'Ketua Jabatan" adalah ditakrifkan sebagai Ketua Unit, Pengurus Stesen, Pengarah Wilayah/Negeri atau Pegawai yang diberi kuasa.

3 Pemakaian Peraturan

Peraturan yang di bawah ini hendaklah diikuti apabila berlaku kemalangan yang melibatkan kenderaan Lembaga Getah Malaysia.

3.1. Tindakan Pemandu

3.1.1 Apabila sesebuah kenderaan Lembaga Getah Malaysia terlibat dengan sesuatu kemalangan, pemandu hendaklah:

- (a) Melaporkan kemalangan itu ke balai polis yang Pemandu berhampiran dalam tempoh 24 jam dari kemalangan itu berlaku

No	Perkara	Tanggungjawab
	(b) Memberi laporan secara lisan kepada Ketua Jabatan dan	Pemandu & Ketua Jabatan
	(c) Mengisi Borang Laporan Kemalangan Am 362A (Lampiran A). Borang ini hendaklah diisi dengan seberapa segera yang boleh dan diserahkan kepada Ketua Unit Pentadbiran melalui Ketua Jabatan dalam tempoh 48 jam kemalangan itu berlaku	Pemandu Ketua Jabatan Pegawai Kenderaan LGM Ketua Unit Pentadbiran
3.1.2	Sekiranya pemandu tidak berupaya, adalah menjadi tanggungjawab kakitangan lain yang bersama-sama menaiki kenderaan itu, atau yang terkanan di antara mereka jika lebih daripada seorang, untuk mengambil tindakan-tindakan di perenggan 3.1.1 di atas.	Penumpang Kenderaan
3.1.3	Sekiranya tiada penumpang, atau penumpang dan pemandu tidak berdaya untuk membuat sebarang laporan dalam masa yang telah ditetapkan di atas, atau sekiranya pemandu dan penumpang itu meninggal dunia, Ketua Jabatan/Pegawai yang diberi kuasa adalah bertanggungjawab melaporkan kemalangan itu kepada polis dalam tempoh 24 jam kemalangan yang berlaku. Apabila pemandu atau penumpang yang cedera telah sedar atau pulih dan boleh menjalankan tugas semula, beliau hendaklah membuat laporan kepada Ketua Jabatannya seperti yang dikehendaki.	Ketua Jabatan Pegawai Kenderaan Unit
3.1.4	Pemandu dan penumpang kenderaan ditegah membuat atau menandatangani sebarang kenyataan kepada mana-mana pihak mengenai kemalangan itu kecuali kepada:	Pemandu Penumpang Kenderaan
	(a) Pegawai Polis yang menjalankan penyiasatan	
	(b) Ketua Jabatannya; dan	
	(c) Mahkamah	
3.2	Tindakan Polis	
	Polis akan membuat penyiasatan sepertimana kes kemalangan biasa. Pihak polis hendaklah mengambil tindakan memberitahu Unit Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (UPPF) untuk menghantar kenderaan yang rosak dengan segera ke suatu tempat bagi membolehkan Jurutera Mekanikal UPPF mengambil langkah yang perlu seperti dijelaskan di dalam Borang Laporan Kerosakan Am 362B (Lampiran B) yang berkepil bersama dengan Borang Am 362A.	Pegawai Penyiasat PDRM Jurutera Mekanikal UPPF

No	Perkara	Tanggungjawab
3.3	Tindakan Jurutera Mekanikal Yang Memeriksa Kenderaan Kerajaan	
	Jurutera Jentera yang memeriksa yang memeriksa kenderaan tersebut dikehendaki menyediakan suatu laporan kerosakan yang mengandungi butir-butir yang terkandung dalam Borang Laporan Kerosakan Am 362B dan juga anggaran kos pembaikan.	Jurutera Mekanikal UPPF
3.4	Tindakan Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diberi Kuasa	
	Ketua Jabatan/Pegawai yang diberi kuasa diwajibkan:	Ketua Jabatan <i>bersama</i>
	3.4.1 Memastikan semua kenderaan yang rosak diperiksa oleh pihak yang berkuasa menilai kerosakan;	Jurutera Mekanikal UPPF
	3.4.2 Mengaturkan supaya diperolehi laporan kecederaan yang dialami oleh mangsa kemalangan;	Pemandu & Penumpang
	3.4.3 Mendapatkan nilai harta benda yang rosak akibat kemalangan tersebut;	Jurutera Mekanikal UPPF
	3.4.4 Mendapatkan laporan polis mengenai kemalangan tersebut; dan	
	3.4.5 Menyampaikan maklumat-maklumat berikut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh berlakunya kemalangan kepada Pegawai Undang-undang Lembaga Getah Malaysia.	PUU LGM
	(a) Borang Laporan Kemalangan yang telah diisi	Pemandu
	(b) Laporan Jurutera yang mengandungi maklumat-maklumat dan pendapat seperti diperlukan di perenggan 3.3 di atas;	Jurutera Mekanikal UPPF
	(c) Laporan Perubatan mangsa-mangsa kemalangan;	Pegarah Hospital berkenaan
	(d) Laporan Polis;	Pegawai Penyiasat PDRM
	(e) Borang Laporan Kerosakan Am 362B; dan	Jurutera Mekanikal UPPF
	(f) Maklumat-maklumat lain yang bersabit dengan kemalangan.	
3.5	Sekiranya akibat kemalangan itu akan menimbulkan sebarang tuntutan terhadap atau oleh Lembaga Getah Malaysia, kebenaran polis hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembaikan kenderaan Kerajaan yang rosak itu dilaksanakan. Dalam keadaan di mana tidak timbul sebarang tuntutan terhadap atau oleh	Ketua Jabatan Pegawai Penyiasat PDRM

No	Perkara	Tanggungjawab
	Lembaga Getah Malaysia, Ketua Jabatan bolehlah memperbaiki kenderaan yang rosak itu dengan segera tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran polis.	
3.6	Jika tidak dapat dikemukakan dokumen-dokumen seperti yang dikehendaki di perenggan 3.4 (v) kepada Penasihat Undang-undang dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh berlakunya kemalangan itu, keterangan mengenai kelewatan menghantar laporan kemalangan itu hendaklah dihantar kepada Penasihat Undang-undang Lembaga Getah Malaysia oleh Ketua Jabatan pada atau sebelum hari ketiga puluh itu.	Pemandu Pegawai Kenderaan Unit Ketua Jabatan Pegawai Kenderaan LGM PUU LGM
3.7	Tindakan untuk menyelesaikan sesuatu tuntutan secara bersendirian oleh Jabatan adalah dilarang. Sebarang surat menyurat yang diterima daripada pihak-pihak yang berkaitan hendaklah diakui penerimaannya dengan Borang Am 95A dan mengemukakannya dengan serta merta kepada Penasihat Undang-undang Lembaga Getah Malaysia	Ketua Jabatan Pegawai Kenderaan LGM PUU LGM
3.8	Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Unit Pentadbiran melaporkan dengan segera kepada Ketua Pengarah tiap-tiap kes kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan-kenderaan Kerajaan Malaysia	Ketua UPD Ketua Pengarah
3.9	Tindakan Penasihat Undang-Undang	
	Penasihat Undang-undang apabila menerima dokumen-dokumen yang disenaraikan di perenggan 3.4 (v) hendaklah:	
	(i) Mengkaji kemungkinan Kerajaan membayar ganti rugi; dan	
	(ii) Jika jumlah tuntutan ganti rugi bagi sesuatu kemalangan itu tidak melebihi RM200,000 termasuk kos, mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelesaikan tuntutan dan menghubungi pihak insurans yang berkenaan untuk urusan pembayaran.	PUU LGM Pegawai Aset Alih LGM Syarikat Insurans
3.10	Peraturan Kewangan	
	Semua bayaran ganti rugi hendaklah dirujuk kepada syarikat insurans yang dilantik untuk dijelaskan. Sebarang pembayaran yang diterima sebagai ganti rugi kepada Lembaga Getah Malaysia hendaklah dikreditkan kepada Hasil Lembaga Getah Malaysia.	PUU LGM Pegawai Aset Alih LGM Syarikat Insurans
3.11	Tindakan Tatatertib Terhadap Pemandu	
	Pemandu-pemandu tidak bertanggungjawab membaiki apa-apa kerosakan terhadap kenderaan yang mengalami kemalangan. Walau bagaimanapun, pemandu-pemandu berkenaan boleh	Ketua UPSM Ketua UPD

No	Perkara	Tanggungjawab
	didakwa di Mahkamah bersabit kesalahan jalan raya. Selain daripada itu, tindakan tatatertib boleh juga diambil ke atas pemandu yang berkenaan.	
4	Borang Laporan Kemalangan Am 362A, Borang Laporan Kerosakan Am 362B dan Borang Am 95A (Lampiran C) boleh didapati daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.	Pegawai Kenderaan LGM

Pejabat Perbendaharaan Malaysia

WP 4.2/2013 Lampiran A

Borang Am 362A

BORANG LAPORAN KEMALANGAN KENDERAAN MALAYSIA

PERLANGGARAN	Tarikh:	Waktu:	Tempat:
Nombor Aduan Polis	Nama Pemandu Kenderaan Kerajaan.....		
Bahai Polis	No. K.P.:..... No. dan Kelas Lesen Memandu.....		
	Kementerian.....		Jabatan.....
	Bahagian.....		
	Nama Keliratan.....		No. K.P.
PEGAUAI PENYASAT:	Kenderaan Kerajaan		Berlanggar Dengan*
Nama:	Kenderaan Kerajaan		Berlanggar Dengan*
Nombor:	Nombor Pendaftaran.....		Nombor Pendaftaran.....
Pangkat:	<input type="checkbox"/> Kereta <input type="checkbox"/> Lori <input type="checkbox"/> Bas <input type="checkbox"/> Van <input type="checkbox"/> Motorikal/Skuter <input type="checkbox"/> Basikal <input type="checkbox"/> Lain-lain		<input type="checkbox"/> Kereta <input type="checkbox"/> Lori <input type="checkbox"/> Bas <input type="checkbox"/> Van <input type="checkbox"/> Motorikal/Skuter <input type="checkbox"/> Basikal <input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan Nama Kenderaan/ Hartabenda)
	Kenderaan Digunakan <input type="checkbox"/> Tugas Rasmi <input type="checkbox"/> Bukan Tugas Rasmi		
	CATAN:		
	Sila pangkat kotak yang berkenaan.		
	* Masukkan huruf K dalam kotak yang berkenaan sekiranya kenderaan Kerajaan		
<u>Pemandu Kenderaan Lain yang terlibat</u>	<u>Tuanjanya Kenderaan Yang Terlibat</u>		<u>Saksi</u>
Nama:	Nama:	(i) Nama:	
No. K.P.:	No. K.P.:	No. K.P.:	
Alamat:	Alamat:	Alamat:	
		(ii) Nama:	
		No. K.P.:	
		Alamat:	

LAPORAN KEMALANGAN (SECARA RINGKAS)

(Laporan Kemalangan Diikuti Berasingan)

Tandatangan Pemanda

Nama.....

Tarikh dan Masa Laporan.....

.....

LAPORAN KEMALANGAN (SECARA RINGKAS)

(Laporan Kemalangan Diikuti Berasingan)

Tandatangan Pemanda

Nama.....

Tarikh dan Masa Laporan.....

.....

BORANG LAPORAN KEROSAKAN

Borang Am 362B

BAHAGIAN I

(Hendaklah diisi oleh pihak Polis)

- (a) Nombor Laporan Polis Trafik
- (b) Nombor Pendaftaran Kenderaan Kerajaan
- (c) Jenis Kenderaan
- (d) Berlanggar dengan
(Sebutkan nombor-nombor pendaftaran dan jenis kenderaan atau harta benda atau harta lain yang terlibat)

Tarikh

.....
Ketua Polis Besar

BAHAGIAN II

(Hendaklah diisi oleh pihak yang memeriksa kenderaan itu, iaitu):

- (i) Jurutera Mekanikal di mana-mana jabatan Kerajaan atau Kementerian, atau
- (ii) Pihak lain yang difikirkan layak:

(a) Hari/tahun memeriksa

(b) Pekerja Kerosakan:

* (Sila catitkan sama ada kerosakan itu melibatkan kerja-kerja membaiki atau pergantian)	* Hendaklah dibaiki RM	* Hendaklah diganti RM
--	---------------------------	---------------------------

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.
- 6.
- 7.
- 9.
- 10.
- 11.
- 12.
- 13.
- 14.
- 15.

Anggaran perbelanjaan membaiki/mengganti: RM

Ringgit Malaysia

.....

(iii) Harga kenderaan yang dinilai sebelum kemalangan

(iv) Harga kenderaan yang dinilai selepas diperbaiki: RM

(v) Syar

.....

.....
Tandatangan Pemeriksa

Tarikh

Nama

Jawatan

Jabatan/Kementerian

BAGIAN III

(Untuk ulasan Ketua Jabatan berkenaan)

.....
Ketua Jabatan Berkenaan

Nota:

- (i) Borang ini hendaklah disediakan oleh pihak Polis dalam 4 saliran dan disampaikan kepada Jurutera Jutera dalam 3 saliran.
- (ii) Selepas pemeriksaan, Jurutera Mekanikal dikehendaki menyerahkan satu saliran kepada pihak Polis dan satu saliran kepada Jabatan yang punya kenderaan.

Borang Am 95A



(Am 95A – Rev. 1/99)

Raj. Tugas:

Raj. Kerja:

Tarikh:

Tuan/Puan

AKUAN PENERIMAAN

Dengan ini dimaklumkan surat tuan bertajuk.....
Telah diterima dan diambil perhatian.

Daripada

URUSAN SERI PADUKA BAGINDA

Kepada:

.....
.....
.....
.....

.....